



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)**
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara
42005 Pelabuhan Klang,
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

**Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211**

**web: <http://www.pka.gov.my>
E-mail: onestopagency@pka.gov.my**

MS ISO 9001 : 2015 REG. NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (1)
Tarikh : 12 November 2020

KEPADA SEMUA PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 19/2020

PENGESANAN KES COVID-19 DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah dimaklumkan, terdapat beberapa orang pekerja warganegara asing yang tinggal di Pulau Indah, Pelabuhan Klang telah didapati positif COVID-19. Oleh yang demikian, pihak Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) setelah berbincang dengan agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan dan terminal-terminal pelabuhan mengarahkan agar tindakan-tindakan seperti berikut dilaksanakan:

- i. Semua pekerja warganegara asing yang bekerja di kawasan pelabuhan termasuk mereka yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan diwajibkan menjalani saringan COVID-19 pada kadar segera dan perlu diselesaikan sepenuhnya selewat-lewatnya pada 16 November 2020 dan mengemukakan laporan segera kepada LPK dan terminal-terminal di mana pekerja berkenaan bertugas;
- ii. Berdasarkan kepada keputusan saringan yang akan diperolehi, mana-mana pekerja warganegara asing yang didapati positif COVID-19 perlu dilaporkan segera kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak LPK;
- iii. Pekerja warganegara asing yang didapati negatif COVID-19 tetapi masih tinggal di kawasan rumah kedai Central Spectrum di Jalan Perigi Nenas perlu menjalani kuarantin wajib selama empat belas (14) hari;
- iv. Pekerja warganegara asing yang didapati negatif COVID-19 tetapi menetap di luar kawasan rumah kedai Central Spectrum di Jalan Perigi Nenas boleh dibenarkan untuk memasuki pelabuhan dan bekerja. Namun semua langkah-langkah pencegahan hendaklah diambil termasuk pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan;

- v. Majikan bertanggungjawab untuk memastikan pekerja warganegara asing tidak keluar dari bangunan Central Spectrum ke kawasan lain bagi mengekang dan membendung penularan wabak COVID-19.

3. Adalah menjadi tanggungjawab majikan juga untuk memberikan maklumat yang tepat mengenai pekerja warganegara asing yang menetap di dalam dan di luar kawasan rumah kedai Central Spectrum untuk membantu pengawalan pihak berkuasa. Tindakan tegas akan diambil ke atas pihak majikan sekiranya tindakan-tindakan ini tidak dilaksanakan / terdapat sebarang salah nyata.

4. Arahan- arahan ini adalah tambahan kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh KKM yang juga perlu dipatuhi.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai-pegawai kanan LPK seperti berikut:

Nama : Supt. Lee Wai Leong
Jawatan : Pengurus (Keselamatan)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3026
No. Tel (DL) : 03-3166 6533
No. Tel (HP) : 012-309 0999
Emel : lee@pka.gov.my

Nama : Tn. Muhamad bin Bahauddin
Jawatan : Pengurus (Bomba)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3057
No. Tel (DL) : 03-3165 0246
No. Tel (HP) : 012-311 5433
Emel : muhamad@pka.gov.my

Nama : Kapt. Azmi bin Maaris
Jawatan : Mg. Pengurus (Gerakan Marin)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3025
No. Tel (DL) : 03-3166 8205
No. Tel (HP) : 012-639 5565
Emel : azmi@pka.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang